


Malaysia Berkuasa Internet Pada Tahun 2020



Dr. Mohamed Awang Lah, Ketua Pegawai Eksekutif JARING.

WALAUPUN internet telah berjaya mengubah kehidupan kita, individu yang bertanggung-jawab memperkenalkan internet ke Malaysia mengharapkan teknologi ini akan mengubah masyarakat, perniagaan dan kerajaan 17 tahun akan datang. Dr. Mohamed bin Awang Lah, Ketua Pegawai Eksekutif JARING melihat dan meramalkan masa hadapan internet di Malaysia.

Sebelas tahun selepas kerajaan memperkenalkan internet di negara ini, populasi pengguna telah meningkat daripada sifar kepada lebih kurang lima juta individu, beribu-ribu perniagaan, pelbagai agensi-agensi kerajaan dan organisasi-organisasi

kebajikan.

Kini iklan-iklan, poster-poster dan papan tanda jalan raya mempamerkan alamat laman *www*, sementara bahasa harian juga menggunakan terma-terma seperti maklumat "interaktif", *online chat* dan pesanan serta-merta.

Agensi perubahan pada tahun 1992 adalah agensi teknologi maklumat MIMOS yang telah menyambungkan Malaysia kepada *worldwide web* menerusi penyedia perkhidmatan Internet yang pertama, JARING.

Dr. Mohamed bin Awang Lah, individu di belakang tabir yang melihat penyediaan,

pelancaran dan pembangunan internet selama 20 tahun berkata, beliau terkejut tetapi gembira apabila melihat rakyat Malaysia dapat menerima internet dengan tangan terbuka.

Beliau yang digelar "Mr Internet" meramalkan negara akan diubah oleh internet dalam masa 15 tahun akan datang dan Malaysia akan menjadi negara yang amat berbeza pada tahun 2020.

Beliau bercakap tentang pendidikan, bekerja dan berfikir di Malaysia apabila tahun 2020 muncul 17 tahun dari sekarang.

Bolehkan Dr. Mohamed ceritakan sejarah internet di negara ini dan di mana kita berada sekarang?

Bagi saya, kesedaran tentang internet telah bermula sejak 20 tahun lalu, iaitu pada tahun 1983. Perkembangan teknologi ini telah menjadi agenda pembangunan negara pada tahun 1992, apabila JARING dilancarkan sebagai perkhidmatan awam. Sekarang, para pelanggan perkhidmatan internet jalur terhad telah pun penuh dan kita melihat peringkat permulaan bagi pembinaan internet jalur lebar di Malaysia.

Adakah jalur lebar akan menjadi arus baru pada masa hadapan?

Ya, tetapi penggunaannya akan mengambil masa lima tahun sebelum perkhidmatan jalur lebar menjadi matang. Pada masa itu, kita akan melihat setiap individu mempunyai satu alamat yang unik bagi semua keperluan komunikasi mereka; telefon, faks, e-mel, laman web dan lain-lain.

Bagaimana anda melihat perubahan peranan penyedia perkhidmatan internet dan apakah fungsi mereka pada tahun 2020?

Jika industri ini dibangunkan dengan cara yang betul, kita akan melihat satu

tulang belakang internet yang bersepadu dan tegap untuk negara ini dalam masa 15 tahun lagi. Internet akan digunakan untuk semua perkhidmatan pengangkutan data untuk penyedia perkhidmatan seperti telekomunikasi, penyiaran, kawalan dan pemantauan masa sebenar (*real-time*).

Cuba fikirkan trek kereta api yang boleh menuju ke mana-mana destinasi yang dikehendaki. Tidak kira tempat yang ingin dituju, perkara yang perlu anda lakukan ialah menaiki kereta api tersebut, sebutkan destinasi anda dan bayar harga tambang, tunggu sebentar dan keluar apabila sampai ke destinasi anda.

Setiap kereta api boleh membawa manusia atau barangan. Kita tidak perlu memiliki kenderaan peribadi dan syarikat-syarikat tidak perlu memiliki lori mereka

Tidak kira tempat yang ingin dituju, perkara yang perlu anda lakukan ialah menaiki kereta api tersebut, sebutkan destinasi anda dan bayar harga tambang, tunggu sebentar dan keluar apabila sampai ke destinasi anda.

sendiri. Industri pengangkutan akan berubah secara dramatik, termasuklah industri komunikasi dan multimedia!

Pemilikan rangkaian optik gentian, sama seperti memiliki rangkaian trek kereta api dalam industri pengangkutan, tidak akan menjadi isu lagi. Para penyedia perkhidmatan dan para pengguna boleh memindahkan data dari satu tempat ke tempat lain dengan menggunakan paket internet, iaitu sama seperti kereta api, ke dalam rangkaian optik gentian tersebut.

Jenis-jenis data tidak akan menjadi isu kerana akan berubah kepada paket-paket elektronik seperti paket suara, laman-laman web ataupun wayang gambar. Pada asasnya, anda akan bayar selepas menggunakannya dan akan terdapat pasaran-pasaran runcit dan borong.

Apakah kepentingan internet?

Jika seseorang bertanya kepada saya apakah perkataan yang paling penting bagi sejarah manusia pada masa kini, jawapan saya ialah "internet". Internet adalah satu pelajaran bagi berjuta-juta orang; daripada penggunaannya kepada pembangunannya. Nyata sekali terdapat banyak orang yang mahu menghancurkannya. Hal ini menyedarkan kita bahawa internet telah men-

jadi tempat untuk jenayah siber, termasuk perang dan ini boleh menentukan nasib sesebuah negara.

Apakah yang akan terjadi kepada para penyedia perkhidmatan komunikasi dan multimedia sekarang?

Mereka perlu berubah jika tidak mahu pupus sama sekali! Ini adalah cabaran kita yang terbesar. Berapa pantas kita berubah dan menjadi inovatif akan menentukan daya saing kita. Mereka yang tidak boleh atau tidak mahu berubah patut ditunjukkan jalan keluar.

Apa akan terjadi pada kehidupan seharian kita?

Kehidupan seharian kita juga perlu berubah. Tahun 2020 akan menjadi satu dunia yang amat berbeza. Pertama sekali, wang dalam bentuk fizikal akan pupus. Jika anda berfikir secara mendalam, wang hanyalah satu nombor dalam akaun bank kita. Apabila kita membeli sesuatu, satu jumlah akan ditolak dari akaun kita dan jumlah yang sama akan dimasukkan ke dalam akaun penjual.

Dengan adanya keselamatan internet, kita tidak perlu memiliki wang secara fizikal lagi. Kita boleh membeli dan menjual di mana-mana sahaja. Adakah kita memerlukan kaunter-kaunter ataupun mesin ATM di bank? Mungkin tidak bagi sesetengah orang. "Bank" akan menjadi satu perkara yang berbeza pada masa hadapan.

Bagaimana pula dengan sekolah-sekolah? Perlukah anak-anak kita pergi ke sekolah?

Pelajaran memerlukan perubahan. Kita tidak boleh belajar hanya dengan mendengar sesuatu syarahan. Pelajaran sebenar datang daripada tindakan membaca, melihat, buat, berbincang, berdebat dan membuat eksperimen tentang sesuatu subjek. Semua ini boleh dilakukan melalui internet, sementara kita berada di rumah atau tempat lain.

Kanak-kanak perlu ke sekolah untuk bersosial; perkara yang tidak boleh dilakukan menerusi Internet. Jadi, jika anak-anak kita perlu ke kelas selang sehari, kita bolehlah mengurangkan jumlah kelas yang diperlukan. Kita tidak lagi memerlukan dua sesi bagi sekolah. Perbelanjaan kerajaan untuk pendidikan termasuk membina kelas-kelas tersebut akan dapat dikurangkan. Mungkin definisi "sekolah" perlu diubah.

Adakah kehidupan sebagai pekerja juga akan berubah?

Pada masa ini, para pekerja pergi ke pejabat untuk "bekerja". Eksekutif-eksekutif membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberi. Sekarang, semua maklumat disimpan dalam fail-fail kertas. Tetapi dengan fail-fail elektronik, maklumat boleh dihantar atau digunakan dengan selamat melalui internet dari mana-mana sahaja. Kita tidak perlu lagi berada di pejabat untuk bekerja.

Pusat-pusat komuniti boleh dibina bagi eksekutif untuk tempat mereka bekerja. Kita juga boleh bekerja dari rumah, tetapi mungkin terdapat "gangguan" daripada ahli keluarga. Masa perjalanan untuk ke pejabat dapat dikurangkan. Tempat bagi pejabat, kesesakan lalu lintas dan pencemaran dapat juga dikurangkan.

Bagaimana kehidupan seorang bayi yang dilahirkan pada hari ini pada tahun 2020 kelak?

Seorang bayi yang dilahirkan hari ini akan berumur 17 tahun pada tahun 2020 dan sudah bersedia untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jikalau anak ini dilatih mengamalkan kehidupan tanpa kertas atau *paperless*, pemikirannya akan menjadi amat berbeza daripada kita sekarang.

Generasi ini harus bersedia untuk hidup dan bersaing dalam dunia tanpa sempadan. Untuk merealisasikan ini, internet haruslah menjadi asas kehidupan masyarakat kita bermula dari sekarang.

Setiap sekolah dan rumah perlu mempunyai sambungan internet jalur lebar. Internet adalah keperluan yang penting. Fikirkan begini: 10 juta bayi akan dilahirkan dari sekarang hingga tahun 2020. Masa akan berlalu dengan pantas.

***Rencana disediakan oleh JARING**